

Headline	FBM KLCI pulih, ditutup tinggi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Ekonomi	Page No	L-B12
ArticleSize	195 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,260		



FBM KLCI pulih, ditutup tinggi

» *Minat belian saham mewah pengaruhi Bursa Malaysia*

FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) semalam mencatatkan pemulihan dengan memaparkan prestasi positif ekoran minat peningkatan belian terhadap saham mewah, kata peniaga.

FBM KLCI mengakhiri dagangan 6.48 mata lebih tinggi pada 1,840.35, setelah diniagakan dalam dagangan turun naik antara 1,831.1 dan 1,843.48 sepanjang hari semalam.

Penganalisis Teknikal RHB Research Institute Sdn Bhd, Mohamad Ashraf Abu Bakar, berkata pasaran tempatan tetap positif dan kebanyakan peningkatan yang dialami semalam disokong kumpulan pelabur tempatan.

“Sentimen bursa tempatan masih kukuh, manakala minat bertumpu kepada saham perbankan seperti Maybank dan CIMB.

“Di samping itu, Disember sentiasa menjadi bulan yang baik bagi pasaran saham kerana biasanya ia menyaksikan prestasi positif,”

katanya.

Di papan skor, Indeks Perusahaan naik 3.15 mata kepada 3,099.58, Indeks Perladangan meningkat 44.19 mata kepada 9,025.56 tetapi Indeks Kewangan turun 8.02 mata kepada 16,833.31.

Indeks FBM Emas mengukuh 28.93 mata kepada 12,697.22, Indeks FBMT100 menokok 28.14 mata kepada 12,427.29 tetapi FBM 70 jatuh 32.91 mata kepada 14,067.62 dan Indeks FBM Ace susut 8.97 mata kepada 5,628.69.

Saham untung mengatasi saham rugi dengan jumlah 368 berbanding 362, manakala 348 kaunter tidak berubah, 484 tidak diniagakan dan 21 yang lain digantung urus niaga.

Jumlah dagangan bertambah kepada 1.182 bilion saham bernilai RM1.68 bilion daripada 1.073 bilion saham bernilai RM1.638 bilion kelmarin.

Antara saham cergas, Tiger Synergy kekal pada 23 sen, manakala Sanichi susut 0.5 sen kepada 8.5 sen.

Bagi saham berwajaran tinggi, TNB menambah lapan sen kepada

RM11.08, CIMB naik empat sen kepada RM7.73, manakala Sime Darby dan Axiata Group menokok dua sen, masing-masing kepada RM9.59 dan RM6.75. Maybank kekal pada RM10.02.

Jumlah dagangan dalam Pasaran Utama meningkat kepada 909.758 juta unit bernilai RM1.607 bilion daripada 818.574 juta unit bernilai RM1.554 bilion sebelumnya.

Pasaran ACE mencatatkan peningkatan jumlah dagangan kepada 225.264 juta saham bernilai RM64.72 juta daripada 205.62 juta saham bernilai RM69.731 juta kelmarin.

Waran bertambah kepada 37.481 juta unit bernilai RM5.016 juta daripada 34.287 juta unit bernilai RM5.35 juta.

Barangan pengguna menguasai 55.525 juta saham dalam Pasaran Utama, barangan perusahaan 101.868 juta, pembinaan 41.227 juta, perdagangan dan perkhidmatan 248.774 juta, teknologi 44.73 juta, prasarana 31.242 juta, SPAC 95.386 juta, kewangan 155.808 juta, hotel 265,000, harta 111.834 juta, perladangan 15.562 juta, perlombongan 25,400, REIT 7.479 juta dan dana tertutup 35,600. **BERNAMA**